



KEMENTERIAN KEWANGAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
PRECINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62592 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000
Cabel : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : <http://www.treasury.gov.my>

CR(8.09)248/39.6-1 Vol.3 (20)

4 April 2007

Pengerusi
Jawatankuasa Amalan Percaraan
Majlis Peguam Malaysia
No.13, 15 & 17, Leboh Pasar
50050 KUALA LUMPUR

Tuan,

Pengumuman Mengenai Pemansuhan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT). Tarikh Berkuat Kuasa Pemansuhan 1.4.2007

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada surat tuan bil. MC/C/112/2007 bertarikh 29 Mac 2007 mengenai perkara tersebut di atas.

2. Berikut adalah jawapan kepada pertanyaan tuan:

- i) Perintah pengecualian cukai keuntungan harta tanah (CKHT) telah diwartakan sebagai P.U.(A) 146 pada 1 April 2007 yang mengecualikan pemakaian semua peruntukan Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976. Perintah ini berkuat kuasa mulai 1 April 2007 dan terpakai bagi pelupusan yang berlaku mulai 1 April 2007;
- ii) Sekiranya pelupusan berlaku pada 1.4.2007 dan selepasnya, kedua-dua pihak penjual/pelupus dan pembeli/pemeroleh tidak lagi perlu memfailkan borang CKHT 1 dan CKHT 2 bagi sebarang urusan jual beli harta tanah;
- iii) Sekiranya pelupusan berlaku sebelum 1.4.2007, kedua-dua pihak penjual/pelupus dan pembeli/pemeroleh perlu memfailkan borang CKHT 1 dan CKHT 2;
- iv) Pemansuhan CKHT ini terpakai bagi semua kategori penjual/pelupus dan pembeli/pemeroleh iaitu individu dan syarikat termasuk bukan pemastautin;
- v) Tarikh pelupusan harta tanah diambil kira pada tarikh perjanjian jual beli ditandatangani atau pada tarikh penyelesaian seliranya perjanjian

adalah kontrak bersyarat (pindaan baru kepada perenggan 16, Jadual 2 Akta Cukai Keuntungan Harta Tanah 1976 melalui Bajet 2007) ataupun pada tarikh pindah milik/penyelesaian sekiranya tiada perjanjian jual beli ditandatangani; dan

- vi) Sekiranya sesuatu harta tanah dijual/dilupuskan sebelum 1.4.2007, penjual/pelupus perlu mengisytiharkan CKHT dalam Borang Retan Cukai Pendapatan peribadi. Tetapi sekiranya dijual/dilupuskan pada 1.4.2007 dan selepasnya, pengisytiharan tidak perlu dibuat.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(Datuk Azyah binti Bahauddin)
Setiausaha Bahagian Analisa Cukai
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan